



PENGURUSAN
AKIDAH
DALAM
KEHIDUPAN MUSLIM

MOHD RADHI IBRAHIM

PENGURUSAN
AKIDAH
'DALAM'
KEHIDUPAN MUSLIM

PENGURUSAN
AKIDAH
DALAM
KEHIDUPAN MUSLIM

MOHD RADHI IBRAHIM

Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
Negeri Sembilan
2013

CETAKAN PERTAMA 2013

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai

71800 Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 8226/6081 Faks: 06-798 6083

penerbit.usim.edu.my

pej.penerbitan@usim.edu.my

Penerbit USIM adalah anggota

MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA

Dicetak di Malaysia oleh:

ANUGERAH ILHAM MANAGEMENT & SERVICES

PT9966 Putra Point Phase 2A

Jalan BBN 1/3L, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.

Tel/Faks: 06-8502 408 / (012-622 4408/019-6554408)

(U/p: En. Abdul Halim b. Abu Bakar)

halim_anugerah@yahoo.com.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd Radhi Ibrahim

Pengurusan akidah dalam kehidupan muslim / Mohd Radhi Ibrahim.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 137

ISBN 978-967-0393-77-3

1. Muslims--Conduct of life. 2. Religious life--Islam. I. Judul.

297.2

KANDUNGAN

Kata Pengantar	7
Penghargaan	9
PENDAHULUAN	
Pendahuluan	11
BAB 1: PENGENALAN PENGURUSAN AKIDAH	
Pendahuluan	15
Maksud Akidah dan Pengurusan	17
Objektif Akidah	21
Kepentingan Pengajian Akidah	25
BAB 2: PEMIKIRAN AKIDAH	
Asas Akidah dan Tuntutannya	29
Akidah Tauhid Para Anbiya' a.s	38
Penjelasan Berkenaan Status Ibu bapa Rasulullah SAW	41
Sumber Pemikiran Akidah Islam	45
BAB 3: PANDUAN AKIDAH MENURUT AL-QURAN DAN SUNAH	
Pendahuluan	59
Penjelasan al-Quran Mengenai Akidah	59
Kepentingan Susunan Dalil dalam Penghujahan	61
Implikasi Pengabaian Susunan Dalil	63
Penjelasan al-Quran dan Sunah Berkenaan Isu Bidaah	64
Contoh Penghujahan	68
Pembahagian Ayat <i>Muhkamat</i> dan <i>Mutasyabihat</i>	71
Panduan Rasulullah SAW Mengenai Akidah	78
Generasi Awal Islam dan Akidah	80
Keyakinan Akidah Keluarga Yassir r.a	81
Sahabat r.a dan Bahasa Arab	82
Akidah Islam Selepas Rasulullah SAW	88

BAB 4: PENJELASAN AKIDAH	
Percanggahan dalam Akidah	91
Penyelewengan dalam Akidah	98
Asas Agama dan Prinsip Mazhab	101
Prinsip Mazhab Ahli Sunah Waljamaah	101
Aliran yang Bertentangan dengan Ahli Sunah	104
BAB 5: PENGUKUHAN AKIDAH	
Ciri-ciri Akidah Sahih	107
Pengukuhan Akidah	111
Pengukuhan Akidah Melalui Solat	112
Pengukuhan Akidah Melalui Berfikir Tentang Kejadian Alam	115
Akidah dan Niat	116
Akidah dan Syariah	121
Akidah dan Akhlak	123
Akidah dan Musibah	124
PENUTUP	129
Bibliografi	137
Indeks	141

KATA PENGANTAR

Pertama sekali tahniah diucapkan kepada penulis di atas kejayaan menyiapkan satu buku berkaitan pengurusan akidah. Buku ini sebagaimana tajuknya mengemukakan satu perspektif baru dalam pengajian akidah. Huraian akidah berdasarkan prinsip pengurusan memberikan satu penjelasan yang sistematik dan praktikal. Pendekatan ini diharap dapat memberikan perspektif bertenaga kepada pengajian akidah yang seringkali dilihat bersifat teoritikal dan dogmatik.

Doktrin akidah merupakan asas pemikiran setiap individu. Oleh itu, ia perlu diuruskan dengan baik. Kegagalan mengurus perkara ini boleh menyebabkan kekeliruan, perpecahan dan pertembungan sesama Islam. Realiti semasa umat Islam yang agak tertindas di banyak kawasan di dunia memerlukan satu penjelasan akidah yang mudah dan jelas agar boleh mengukuhkan perpaduan serta menguatkan mereka. Akidah yang benar dan kukuh juga boleh menjadi pemangkin untuk mendorong individu melakukan amal soleh dan menjauhi perkara mungkar.

Jika diteliti antara faktor utama yang membawa kepada keadaan realiti semasa umat Islam yang dilihat lemah, berbalah sesama sendiri dan seumpamanya ialah kegagalan mereka untuk mencari titik temu dalam setiap permasalahan yang dibincangkan. Di antara isu yang diperselisihkan umat Islam ialah perbezaan pandangan dalam menentukan sumber akidah, asas dan juga furuk akidah.

Buku ini memberikan penjelasan yang baik dalam membezakan antara asas akidah dan huraianya. Perkara ini perlu difahami dengan baik oleh umat Islam agar batas yang membezakan antara keimanan dan kekufuran dapat dikenal pasti dan dipersetujui secara baik. Ini kerana jika tiada panduan jelas dalam menentukan batas ini akan ada golongan yang akan mengambil kesempatan untuk memecahbelahkan umat Islam serta melemahkan mereka sama ada disedari atau pun tanpa disedari.

Penulis juga menjelaskan beberapa panduan yang terdapat dalam al-Quran al-Karim dalam memahami akidah. Panduan daripada Rasulullah SAW turut di ketengahkan dalam menjelaskan kaedah terbaik dalam memahami al-Quran. Pendekatan para sahabat r.a dalam memahami dan menjadikan akidah sebagai panduan dalam kehidupan mereka turut memberikan pencerahan kepada pembaca dalam memahami generasi awal Islam secara lebih baik.

Penjelasan berkenaan pengukuhan akidah memberikan penjelasan berkenaan hubungan antara akidah dengan aspek kehidupan yang lain. Perkara ini jika diteliti akan dapat membantu pembaca untuk mengukuhkan akidah melalui ibadah solat dan juga penelitian terhadap alam ciptaan Allah SWT.

Penelitian terhadap hubungan akidah dengan niat agak menarik kerana ia menggabungkan antara dua asas penting dalam agama iaitu niat yang ikhlas kepada Allah SWT dan juga akidah yang benar dalam mengenal Allah SWT. Kefahaman akidah secara integrasi dengan aspek lain dalam kehidupan boleh memberikan kesan yang positif dalam pembinaan hubungan individu dengan Allah SWT.

Semoga penulisan sebegini yang menjelaskan isu-isu penting dalam Islam secara mudah dan jelas dapat diperbanyakkan dalam usaha membantu masyarakat untuk memahami ajaran Islam secara lebih baik.

Sekian, Wassalam.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor Haji Husin
Pengerusi Lembaga Pengarah USIM dan
Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan

PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur kepada Allah SWT di atas rahmat dan keizinan-Nya karya sederhana ini dapat disiapkan dan dijelmakan melalui alam percetakan. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, sahabat dan mereka yang mengikuti langkahnya hingga ke hari kiamat. Semoga kita semua tergolong bersama mereka yang mengikuti langkahnya, Amin.

Setinggi penghargaan dipanjangkan kepada Y.Bhg Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Haji Abdul Shukor Haji Husin, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM di atas kesudian beliau untuk memberikan pandangan dan kata pengantar untuk buku ini. Semoga Allah SWT memberikan kesihatan yang baik dan keberkatan berganda.

Penghargaan turut dikemukakan kepada Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Prof. Dr. Zulkiple Abd Ghani, rakan-rakan pensyarah di USIM khususnya Dr. Najib Syeikh Abdisamad, Prof. Madya Dr. Syarifah Mariam, Pn. Khatijah Othman, Dr. Salhah Abdullah, Pn. Roslizawati Mohd Ramly dan Dr. Noor Azizi Ismail dan Prof. Madya Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani di atas sumbangan idea dan pandangan yang membantu menjelaskan beberapa perkara dalam buku ini sama ada dalam program Muafakat Integrasi Ilmu atau pun Seminar Kebangsaan Pengajian Akidah dan Agama (SIGMA) atau pun melalui perbualan di Chef Hat Café dan Anjung Intelek.

Penghargaan turut ditujukan kepada pihak Penerbit USIM yang menerima karya ini diterbitkan dalam bentuk buku, terutama kepada Puan Hariza Yusuf dan Cik Noor Adibah Mohamad di atas sumbangan mereka dalam menjadikan buku ini boleh diterima dari sudut tatabahasa dan ejaan. Penghargaan juga dikemukakan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi di atas sumbangan dana penyelidikan FRGS/1/10/SSK/USIM/02/11 bagi menjayakan penulisan ini.

Tidak dilupakan kepada isteri tercinta dan anak-anak yang bukan sahaja tidak pernah jemu memberikan sokongan dalam menjayakan

usaha-usaha ilmiah penulis namun turut sama berperanan dalam mengupas idea-idea kompleks dalam pengurusan akidah. Serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan usaha ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga usaha tersebut menjadi pemberat timbangan sebelah kanan di akhirat kelak, Amin.

Penulis mengucapkan penghargaan kepada para ilmuwan di atas dan kepada penilai draf yang turut memberikan pandangan yang bernas dalam menjayakan penerbitan buku ini. Namun, penulis bertanggungjawab sepenuhnya di atas sebarang kekurangan yang terdapat dalam buku sederhana ini. Semoga usaha untuk mengupas akidah Islam dalam konteks pengurusan akidah semasa akan dapat memberikan sedikit sumbangan dalam mencapai integrasi ilmu yang disasarkan oleh USIM. Jika terdapat sebarang ulasan dan pemerhatian, pembaca boleh berhubung dengan penulis melalui email radhi@usim.edu.my.

Mohd Radhi Ibrahim
Program Akidah dan Kajian Agama
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
Universiti Sains Islam Malaysia

PENDAHULUAN

Akidah tauhid merupakan asas yang membezakan Islam dari akidah yang lain. Akidah seringkali difahami sebagai asas teori yang membezakan kepercayaan agama Islam dari agama yang lain. Para sarjana Islam telah menyusun asas akidah di dalam rukun Iman yang berdasarkan dalil-dalil dari al-Quran dan sunah serta penelitian akal yang rasional.

Karya sederhana ini bertujuan untuk meneliti akidah dari dimensi yang sedikit berbeza iaitu akidah sebagai pendorong untuk individu Muslim melakukan amalan baik dan menjauhi amalan yang buruk. Dalam hal ini akidah juga berperanan sebagai panduan dalam hidup. Kefahaman dan penghayatan terhadap akidah Islam diharap akan menjadi faktor menggalakkan individu Muslim melakukan amalan kebaikan dan menjauhi perbuatan buruk.

Sehubungan dengan itu, hubungan akidah dengan pelbagai perkara dalam kehidupan akan diteliti bagi mencapai tujuan tersebut. Dalam hal ini diperlihatkan bahawa akidah bukan hanya tertumpu kepada teori-teori tertentu tapi turut mendasari aspek praktikal dalam kehidupan Muslim. Karya ini juga bertujuan untuk membantu generasi muda Islam untuk menguruskan akidah mereka dengan baik bagi mencapai objektif akidah. Seterusnya membantu mereka untuk memahami peranan akidah dalam kehidupan seharian. Kajian ini turut membantu menjelaskan beberapa isu akidah yang menjadi perdebatan di kalangan umat Islam semasa. Antara isu tersebut ialah tauhid dan syirik, bidaah, dan sifat khabariyyah. Penjelasan diberikan bersumberkan kepada al-Quran al-Karim dan sunah yang sahih.

Penjelasan berkenaan kepentingan dan objektif akidah dilakukan bertujuan untuk membolehkan pembaca mengenal pasti sasaran pengurusan akidah yang ingin dicapai. Demikian juga dijelaskan maksud pengurusan akidah dan hubungannya dengan perbahasan akidah yang dibincangkan dalam bab-bab yang lain. Seterusnya penjelasan berkenaan asas dan furuk akidah menjadi tumpuan agar

nanti garis pemisah di antara iman dan kufur dapat dilihat secara jelas. Ini bagi mengelakkan sesetengah golongan yang cuba untuk mengganggu orang yang berbeza pandangan dengan mereka sebagai kafir. Perbincangan berkenaan sumber akidah turut diteliti meliputi kepentingan al-Quran dan sunah. Seterusnya peranan dan kedudukan akal dalam penghujahan akidah turut diteliti bagi mengenalpasti pujian dan celaan terhadap akal.

Panduan daripada Allah SWT dan penjelasan daripada Rasulullah SAW berkenaan hal akidah turut diteliti bertujuan agar kefahaman akidah individu hendaklah selari dengan kedua-dua sumber tersebut. Seterusnya pelaksanaan panduan tersebut oleh para sahabat r.a dijelaskan bagi membantu generasi semasa memahami pelaksanaan panduan tersebut dalam kehidupan.

Seterusnya, perkara yang dibincangkan ialah faktor yang membawa kepada percanggahan dalam akidah. Pelbagai faktor sama ada dari luar mahupun dari dalam diteliti bagi menjelaskan perkara ini. Seterusnya faktor yang membawa kepada penyelewengan akidah yang berlaku dalam masyarakat turut sama diteliti berdasarkan perspektif al-Quran al-Karim dan hadis sahih. Bab ini turut mengulas berkenaan prinsip mazhab Ahli Sunah Waljamaah serta aliran akidah sebagai bahan perbincangan. Di sini juga penjelasan berkenaan asas agama dan prinsip mazhab dilakukan.

Perbincangan seterusnya menumpukan berkenaan pengukuhan akidah. Pengukuhan akidah diasaskan kepada akidah yang sahih. Oleh itu, ciri-ciri akidah sahih merupakan perkara pertama yang dikupas dalam bab ini dengan mengambil kira berkenaan konsep jalan yang lurus (*Siratul Mustaqim*). Kaedah untuk pengukuhan akidah turut sama diperhalusi. Peranan ibadah solat dan berfikir tentang kejadian alam merupakan faktor utama pengukuhan akidah. Konsep keyakinan dalam akidah juga disentuh bagi menggambarkan sifat golongan yang bertakwa sebagaimana dinyatakan dalam al-Quran al-Karim. Hubungan di antara akidah dengan kehidupan turut dibincangkan meliputi hubungannya dengan niat, syariah, akhlak dan kehidupan seluruhnya.

Perbincangan diakhiri dengan rumusan dari perbahasan terdahulu. Pembaca diajak untuk melihat kembali pesanan Rasulullah SAW sebelum kewafatannya. Keprihatinan Rasulullah SAW terhadap umatnya perlu disahut oleh ilmuwan Islam semasa. Kebersamaan sebagai satu umat perlu menjadi keutamaan setiap individu Islam mendahului kepentingan individu, kumpulan atau mazhab. Selama mana umat Islam menjadikan kepercayaan individu, kumpulan, mazhab dan aliran sebagai neraca keutamaan, selagi itulah kebimbangan Rasulullah SAW tidak disahut dengan baik. Maka, untuk menyahut seruan Rasulullah SAW, umat Islam semasa wajar untuk menjadikan kepentingan ummah sebagai keutamaan. Demikian juga bab ini meninjau sifat golongan Mukmin yang memiliki akidah yang kukuh sebagaimana digambarkan dalam al-Quran dan sunah.

BAB 1

Pengenalan Pengurusan Akidah

Pendahuluan

Ajaran Islam dibahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Antara sumber utama rujukan para ulama Islam dalam hal ini ialah Hadis Jibrail. Saidina Umar al-Khattab r.a meriwayatkan:

قال: بينما نحن جلوس عند رسول الله (صلى الله عليه وسلم) ذات يوم إذ طلع علينا رجل شديد بياض الثياب، شديد سواد الشعر، لا يرى عليه أثر السفر، ولا يعرفه منا أحد، حتى جلس إلى النبي (صلى الله عليه وسلم) ، فأسند ركبتيه إلى ركبتيه، ووضع كفيه على فخذيه، وقال: يا محمد أخبرني عن الإسلام؟! فقال رسول الله (صلى الله عليه وسلم): الإسلام أن تشهد أن لا إله إلا الله، وأن محمداً رسول الله، وتقيم الصلاة، وتؤتي الزكاة، وتصوم رمضان، وتحج البيت إن استطعت إليه سبيلاً، قال: صدقت. فعجبنا له يسأله ويصدقه، قال: فأخبرني عن الإيمان؟ قال: أن تؤمن بالله وملائكته وكتبه ورسله واليوم الآخر وتؤمن بالقدر خيره وشره، قال: صدقت. قال: فأخبرني عن الإحسان؟ قال: "أن تعبد الله كأنك تراه فإن لم تكن تراه فإنه يراك". قال: فأخبرني عن الساعة؟ قال: ما المسؤول عنها بأعلم من السائل، قال: فأخبرني عن أماراتها؟ قال: أن تلد الأمة ربتها، وأن ترى الحفاة العراة العالة رعاء الشاء يتطاولون في البنيان، ثم انطلق. فلبثت ملياً، ثم قال: يا عمر أ تدري من السائل؟ قلت: الله ورسوله أعلم، قال: فإنه جبريل أتاكم يعلمكم دينكم.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Al-Attas. Syed Muhammad Naquib. 1979. *Aims and Objectives of Islamic.*

Education. Jeddah: King Abdul Aziz University.

Abd Allah Abd al-Daim. 1984. *Al-Tarbiyyah Abr al-Tarikh.* Beirut: Dar al-Ilmi Li al-Malayin.

‘Abd al-Karim Zaidan. 1992. *Usul al-Da’wah.* Baghdad: Maktabah al-Quds.

‘Abd al-Malek Ahmad. 1995. *Social Ethics Of Islam.* edisi terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abduh, Muhammad. 1994. *Risalah al-Tawhid.* Beirut: Dar al-Shuruq.

Abdul Shukor Husin. 1998. *Ahli Sunnah wal Jamaah, Pemahaman Semula.* Bangi: Penerbit UKM.

Ahmad Ibn Hanbal. 1969. Musnad, Beirut: al-Maktab al-Islami.

Al-’Aqqad, Abbas Mahmud. 1974. *Al-Falsafah Al-Qur’aniyyah,* Beirut: Dar Al-Kitab Al-Lubnaniy.

Al-Ash’ari, Abu al-Hasan. 1999. *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin,* 2 jil., ed. M. Mahy al-Din Abd al-Hamid, Beirut: al-Maktabah al-Asriyya.

_____. 1994. *al-Ibanah ‘an Usul al-Diyanah.* ed. ‘Abbas Sabbagh, Beirut: Dar al-Nafais.

Abu Daud. t.t.. *Sunan Abi Daud.* Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud. 1995. *al-Tarbiyah al-Ruhiyyah.* cet. 1. Kaherah: Dar al-Tawzi’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah.

- Al-Baghdadi. Abu Mansur. 1928. *Kitab 'Usul al-Din*. Istanbul: Matba'ah al-Dawlah.
- Al-Baqillani. Abu Bakr Muhammad b. al-Tayyib. 1963. *al-Insaffi ma Yajibu I'tiqaduh wa la Yajuz al-Jahl Bih*, ed. M. Z. al-Kawthari. Kaherah.
- Al-Bukhari. 1994. *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Fikri.
- Franz Rosenthal. 1970. *Knowledge Triumphant*. Leiden: E.J. Brill.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad b. Muhammad. 1972. *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. ed. M. Mustafa Abu al-Ila, Kaherah.
- _____. 1986. *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Holy Bible. 1952. London: Collins Clear Type Press.
- Ibn Khuzaimah. 1994. *Kitab al-Tawhid*. 2 vol. Riyad: Maktabah al-Rashid.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il b. Kathir. 1967. *Al-Bidaya wa al-Nihaya*, 14 vols., Kaherah.
- _____. 2002. *Tafsir Ibn Kathir*. 8 vol. Kaherah: Maktabah Tayyibah.
- Al-Iji, Adud al-Din 'Abd al-Rahmān b. Rukn al-Dīn. 1948. *Mawaqif fi 'Ilm al-kalam*, Kaherah.
- Ibn Hisham. 1990. *al-Sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Nashr.
- Ibn Majah. t.t., *Sunan Ibn Majah*, ed. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Nashr.
- Ibn Rejab. 2000. *al-Hanbali, Jami' al-'Ulum wa al-Hikam*. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyah.
- Ibrahim, Sa'id. 1998. *Akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, Kuala Lumpur: Dar al-Ma'rifah.
- Izutsu, Toshihiko. 1993. *Ethico-Religious Concepts In The Qur'an*. edisi terjemahan. Yogyakarta: P.T. Tiara Wacana Yogya.

- ‘Izz Ibn ‘Abd al-Salam. 1968. *Qawa'id al-ahkam fi Masalih al-Anam*. Beirut: Dar al-Sharq li al-Tiba'a.
- Leith, John. 1993. *Basic Christian Doctrine*. London: Westminster John Knox Press.
- Al-Juwayni, Imam al-Haramayn. 1995. *Kitab al-Irshad ila Qawati' al-Adillah fi Usul al-I'tiqad*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyya.
- Malik B. Anas. 1985. *al-Muwatta'*. Beirut. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Maturidi, Abu Mansur Muhammad b. Muhammad. 1970. *Kitab al-Tawhid*, ed. Fathallah Kholeif. Beirut.
- Mohd Radhi Ibrahim. 2006. *Akidah dan Pembangunan Tamadun*. Kuala Lumpur. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, KUIM.
- _____. 2010. *Pembangunan Insaniah Pelajar Muslim*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mubarak, H. Hussin. 1982. *'Ilm al-Tawhid fi Dau' al-'Aql wa al-Naql*, al-Kaherah: Ma'baah Amanah.
- Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri A. Galigo & M. Radhi Ibrahim. 2002. *Isu Dakwah Dan Kemanusiaan Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Fakulti Dakwah & Pengurusan Islam, Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Muslim. 1987. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Al-Muttaqi, 'Ala' al-Din, al-Hindi. 1998. *Kanz al-'ummal fi Sunan al-Aqwal wa al-'Af'al*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Oxford Dictionaries. 2012. Oxford: Oxford University Press.
- Al-Qaradawi. 1993. *Malamih al-Mujtama' al-Muslim*. cet. 1. Kaherah: Maktabah al-Wahbah.
- _____, 2001. *al-Aql wa al-Ilm fi al-Qur'an al-Karim*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah
- Al-Razi, Fakhr al-Din Abu 'Abdallah Muhammad b. 'Umar. 1353. *Kitab al-Arba'in fi Usul al-Din*. Hyderabad.

- _____. 1981. *Tafsir al-Kabir (Mafatih al-Ghaib)*. Kaherah: Dar al-Nasyr.
- Sa'id Hawa. 1988. *al-Mustakhlis Fi Tazkiyat al-Nafs*. 1988. Kaherah: Dar al-Salam
- Al-Saim. Muhammad. 1988. *Qimat al-'Aql Fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah al-Zahra.
- Sami 'Afifi Hijazi. 1991. *al-Madkhal Lidirasah al-Falsafah al-Islamiyyah: Qadaya Wa Munaqasat*. Kaherah: Dar al-Taba'ah al-Muhammadiyah.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 1998. "Kepentingan Zikir Dalam Mendidik Rohani Dan Jasmani Pendakwah". *Jurnal Usuluddin*. Bhg. Peng. Usuluddin. Akademi Pengajian Islam. Univ. Malaya. bil.8. hlm.137.
- Sayyid Siddiq 'Abd al-Fattah. 1987. *al-Sa'adah Kama Yaraha al-Mufakkirun*. Beirut: Mu'assasah 'Izzu al-Din Li al-Taba'ah wa al-Nasyr.
- Stapa, Zakaria. 2001. Insan Kamil: Ciri dan Proses Pembentukan. dlm. *Jurnal Afkar*. Jab. Akidah & Pemikiran Islam. Akademi Peng. Islam: Univ. Malaya. bil.2.
- Al-Suyuti. 2003. *al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Tirmizi, t.t. *al-Jami' al-Sahih*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Wan Mohd. Nor Wan Daud. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.
- www.acommoword.com
- www.ammanmessage.com
- Al-Zarkasyi. 1980. *al-Burhan fi Ulum al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Fikr.
- Zawiyah Md. Sari. 2000. *Bicara Islam Semasa: Koleksi Tulisan Dr. Ismail Hj. Ibrahim*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

INDEKS

- Abu Bakr 81, 82, 138
Adam a.s 22, 34, 39, 98
Ahl al-Hadis 95, 102
ahl al-Kitab 93
Ahl al-Kitab 64, 86
Ahli Sunah Waljamaah 6, 12, 48,
101, 102, 104
ahmaran 30
Ajam 85, 86, 89
Akal 48, 49, 53, 54, 57, 77
akhirat 10, 18, 21, 22, 24, 25,
27, 30, 32, 33, 35, 36, 37, 48,
49, 60, 61, 77, 80, 81, 82, 103,
107, 108, 113, 114, 120, 121,
122, 124, 125, 129, 133, 134,
135
Akhlak 6, 17, 123
akhlasa 116
Akidah 5, 6, 7, 9, 10, 11, 17, 21,
22, 23, 25, 29, 30, 34, 38, 39,
45, 59, 61, 78, 80, 81, 88, 91,
97, 98, 101, 107, 111, 112, 115,
116, 121, 123, 124, 129, 132,
138, 139, 140
al-Arasy 76
al-Azhar 96, 102
Al-Baghdadi 138
al-Dala'il 42
al-Ghadab 93
Al-Ghazali 138
al-Hindi 55, 139
Al-Hub 93
Ali b. Abi Talib r.a 81
al-Iji 17, 102
Ali Jum'ah 66
al-Istiwa' 76, 93
al-Ittihad wa al-Hulul 94
al-Jabr wa al-Tafwid 94
al-Juwaini 98
al-Kahfi 70
al-Karh 93
al-lahut 94
al-Maqrizi 83
al-Mawaqif 102
al-Muttaqi 55
al-Muttaqin 80
al-Razi 73, 86, 89, 102
al-Rida 93
al-Suyuti 42, 72, 80
al-Yamin 76
al-Zarkasyi 72
'aqd 17
Aristotle 55
Asbab al-Nuzul 75
Asya'irah 56, 77, 96, 101
Atheis 26
Atid a.s 32
Bai'at al-Ridwan 75
Baihaqi 42, 113
Balaghah 87
Bani Israel 43
Bidaah 5, 64
Bilal r.a 81
Bukhari 22, 24, 62, 65, 67, 93,
111, 117, 138
controlling 18, 19

- Dahriyyun 30
 Deuteronomy 30
 Durant, Will 23
 epistemologi 26, 47
 Fakhr al-Din 73, 102, 139
 Falsafah 55, 137, 140
 Fitrah 111
 Genesis 30
 Greek 23, 55, 88
 Hadis 15, 17, 22, 29, 38, 55, 61, 93, 95, 102, 108, 109, 113, 117, 119, 140
 haimanah 76
 Huduth 55
 Ibn Hisham 81, 131, 138
 Ibn Kathir 42, 64, 75, 84, 138
 Ibn Khuzaimah 74, 138
 Ibn Rajab 66
 Ihtiwa' al-Wujud 76
 Ijma' 47
 Injil 35
 Islam Liberal 57
 Istighfar 122
 istiqamah 123
 Jabariyyah 104
 Jahanam 110
 John 22, 30, 139
 Jumaat 63, 64, 66, 68, 69, 70, 71
 Juz' iyyat 55, 56
 Kalam 94
 Khalaf 85, 86
 Khawarij 95, 103, 104
 khilaf 88, 93
 Kinayah 87
 Kristian 21, 22, 26, 29, 34, 64, 65, 89, 94, 104, 105
 Kursiyy 74
 Majaz 87
 ma'lum min al-din bi al-darurah 29, 98
 Mantiq 55
 Maqalat Islamiyyin 95
 Maulidur Rasul 63, 66, 71, 103
 Melayu 70, 85, 86, 88, 102
 Mu'az b. Jabal 62, 70
 Mufassirin 74
 Muflihun 114
 mufradat 84
 Muhammad SAW 9, 34, 35, 39, 41, 42, 43, 44, 45, 47, 75, 82, 101, 112, 134
 Muhkamat 5, 71, 74
 Mukmin 13, 20, 31, 35, 37, 64, 69, 70, 103, 110, 121, 123, 132, 133, 134, 135
 Mulhid 30
 Musibah 6, 124
 Muslim 11, 17, 18, 19, 20, 22, 29, 30, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 45, 46, 52, 60, 62, 63, 66, 68, 70, 78, 96, 101, 102, 103, 104, 105, 107, 112, 113, 115, 116, 119, 120, 122, 123, 125, 127, 129, 130, 131, 135, 139
 mustalah 94
 Musyrik 26
 Mutasyabihat 5, 71, 74
 Mu'tazilah 48, 56, 95, 97, 103, 104
 nahu 82
 Naqli 18
 Nasrani 30, 35, 40, 92, 93, 97, 111
 Naturalists 23
 ni'mah 86
 Nubuwwah 29, 46

- Nusantara 102
 organizing 18
 Oxford 17, 139
 Pengurusan 4, 5, 9, 10, 17, 20,
 21, 139
 planning 18
 Qada' 37, 38, 46, 96
 Qadar 16, 37, 46
 Qadariyyah 104
 Qiyas 47
 qudrah 84, 86
 Quraish 81
 Rahban 66
 Rahbaniyyah 64, 66
 Rakib a.s 32
 Ramadan 16, 38, 67, 123
 Religious Pluralism 57
 salaf 70, 89
 salvation 22
 Sam'iyyat 29
 Saq 76, 85, 102
 senario 21, 88
 sifat khabariyyah 11
 Siratul Mustaqim 12
 Sceptics 26
 Sophist 26, 55
 Syiah 95, 96, 103, 104
 syirik 11
 Tabiin 108, 110
 Tabrani 42
 tadabbarun 49
 tafakkarun 49
 tafawwuq 76
 tahhara 116
 Tahlil 66
 tajsim 92, 97, 102
 ta'qilun 49
 tashbih 87, 89, 97, 102
 Tauhid 5, 25, 27, 30, 38, 39, 46,
 55, 92, 93, 98, 102, 112
 tawaduk 48
 thamarah 123
 Ulu al-Bab 49
 Uluhiyyah 29, 102
 uluww 76
 Umm al-Barahin 102
 Usul al-Din 102, 138, 139
 Wahabi 104
 Wajh 76, 93, 102
 worldview 20
 Yad 76, 85, 93, 102
 Yahudi 26, 29, 30, 34, 35, 40, 87,
 89, 92, 93, 97, 104, 111
 Yasin 63, 64, 66, 68, 70, 71
 Yassir r.a 5, 81
 yazdan 30
 Yunan 55, 92
 Zabur 35, 39
 Zahiriyah 95, 96
 zaigh 72, 73

PENGURUSAN AKIDAH

DALAM
KEHIDUPAN MUSLIM

Akidah seringkali dilihat sebagai asas teori yang membezakan kepercayaan Islam dari kepercayaan yang lain. Karya sederhana ini cuba meneliti akidah daripada dimensi yang sedikit berbeza iaitu akidah sebagai pendorong individu Muslim melakukan

amalan baik dan menjauhi amalan buruk. Karya ini bertujuan untuk membantu generasi Islam semasa menguruskan akidah mereka dengan baik bagi mencapai objektif akidah. Seterusnya, mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat. Selain itu, karya ini turut membantu menjelaskan beberapa isu akidah yang sering diperdebatkan dalam kalangan umat Islam semasa seperti isu Tauhid, bidaah dan sifat khabariyyah. Penjelasan diberikan berdasarkan kepada dalil al-Quran dan sunah serta dalil akal yang selari dengan kedua-duanya.



Mohd Radhi Ibrahim (Phd) merupakan Profesor Madya di Program Akidah dan Kajian Agama, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Bidang pengkhususan beliau ialah akidah dan falsafah. Manakala bidang kajian beliau meliputi penghayatan akidah, epistemologi dan pendidikan Islam serta pembangunan tamadun.

Penerbit 

ISBN 978-967-0393-77-3



2500

9 789670 393773

<http://penerbit.usim.edu.my>